

HIBAH AMANAH adalah perkhidmatan pengurusan harta oleh ASNB yang berlandaskan Syariah yang menerapkan konsep hibah dan amanah dalam pengurusan harta. Unit amanah ASNB yang dihibahkan akan dipindah milik kepada Penerima selepas kematian Pemegang Unit.

Konsep



I. PEMBERI

- Beragama Islam
- Pemegang Unit berumur 18 tahun ke atas
- Mempunyai baki unit pelaburan minimum 1,000 unit. (tidak termasuk unit bercagar/ pinjaman/ Skim Pelaburan Ahli KWSP)

II. PENERIMA

- Individu sahaja
- Terhad kepada 10 orang sahaja
- Penjaga yang sah perlu dilantik jika Penerima berumur di bawah 18 tahun.

III. 1,000 unit perlu dikekalkan sepanjang tempoh perjanjian Hibah Amanah bagi semua tabung unit amanah yang terlibat.

IV. Diamanahkan kesemua (100%) unit milik penuh dan bukan unit yang bercagar kepada semua Penerima yang disenaraikan.

V. Unit yang bercagar adalah tertakluk kepada perjanjian antara Pemegang Unit dengan institusi pemberi pembiayaan.

VI. Pembatalan hibah hanya boleh dilakukan jika ianya melibatkan hibah kepada anak dan cucu kandung atau juga atas persetujuan bersama antara Pemberi dan Penerima.

VII. ASNB berhak menarik balik perjanjian Hibah Amanah sekiranya Pemberi Hibah didapati melanggar terma dan syarat Hibah Amanah yang dipersetujui atau hilang kelayakan sebagai Pemegang Unit ASNB.

Pendaftaran	RM180 / Kontrak	
Yuran Pentadbiran Tahunan	RM10	
Pindaan	RM20	
Pembatalan	RM70	
Tuntutan (RM)	%	RM
25,000 Pertama	1.50	375
225,000 Berikutnya	1.00	2,250
250,000 Berikutnya	0.50	1,250
500,000 Berikutnya	0.25	1,250
Baki Selebihnya	0.10	

PENGIRAAN YURAN TUNTUTAN


Contoh 1: BAKI PELABURAN RM200,000
 RM25,000 pertama 1.50% = RM375
 RM175,000 berikutnya 1.00% = RM1,750
Jumlah Yuran = RM2,125
 (ditolak daripada baki pelaburan sebelum diagihkan)

*tertakluk kepada 6% GST

Dengan Hibah Amanah

- Dapat menentukan Penerima dan peratus pembahagian untuk pelaburan tersebut.
- Penerima adalah penerima mutlak.
- Pemegang Unit masih mempunyai kawalan penuh dan menikmati manfaat terhadap pelaburan tersebut semasa hidup.
- Tidak perlu Surat Kuasa Mentadbir atau Geran Probet.
- Yuran perkhidmatan yang kompetitif.

- Waris perlu mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka / Geran Probet untuk membuat tuntutan.
- Pengagihan dan penerima harta pusaka tertakluk di bawah Akta Pembahagian 1958 / persetujuan daripada waris yang telah dinyatakan di dalam Surat Kuasa Mentadbir / Geran Probet.
- Waris perlu melakukan semua proses pentadbiran harta pusaka sendiri dan menanggung semua kos yang terlibat.



Untuk maklumat lanjut hubungi
 Tel: 03-2057 3000 Faks: 03-2050 5220
 Emel: asnbcare@pnb.com.my

www.asnb.com.my

Pilihan Pelabur Bijak

PENYELESAIAN PERWARISAN UNTUK PELABURAN ANDA

HIBAH AMANAH



Untuk Pelabur Islam

BORANG PERMOHONAN HIBAH AMANAH

BAHAGIAN A: MAKLUMAN DAN AKUAN PEMOHON

1.0 TERMA DAN SYARAT HIBAH AMANAH

- | | |
|----|--|
| a. | Pemberi Hibah mestilah seorang yang berumur 18 tahun dan ke atas, beragama Islam, warganegara dan merupakan pemegang unit tabung unit amanah yang diuruskan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). |
| b. | <p>Berikut adalah syarat bagi tabung unit amanah yang ingin dihibahkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai baki buku pelaburan minimum 1,000 unit atau sebarang jumlah yang akan ditetapkan oleh ASNB dari semasa ke semasa, tidak termasuk pelaburan menerusi KWSP. Baki minimum setiap tabung unit amanah yang dihibahkan mestilah dikekalkan sebanyak 1,000 unit sepanjang tempoh Hibah Amanah. Unit ini akan ditempatkan dalam bahagian Pelaburan Khas Hibah Amanah tabung unit amanah yang dihibahkan serta layak untuk pengiraan pengagihan pendapatan, jika ada. Pemberi Hibah menghibahkan tabung unit amanah yang melibatkan unit milik penuh / mutlak Pemberi Hibah dan bukan unit yang bercagar (Harta Hibah). Hanya unit milik penuh sahaja yang akan dibahagikan kepada Penerima Hibah mengikut pembahagian yang telah ditetapkan. Unit yang bercagar adalah tertakluk kepada perjanjian antara pemegang unit dengan institusi pemberi pinjaman (IPP) dan akan dibayar kepada IPP apabila pemegang unit meninggal dunia kelak. |
| c. | <p>Penerima Hibah adalah terhad kepada sepuluh (10) orang sahaja bagi setiap perjanjian Hibah Amanah. Syarat-syarat Penerima Hibah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara. Penjaga yang sah hendaklah dilantik jika Penerima Hibah berumur bawah 18 tahun. Penjaga Sah mestilah terdiri daripada ibu, bapa, datuk, nenek, abang / kakak atau mana-mana pihak yang diiktiraf oleh ASNB. Penjaga Sah perlu berlaku adil dan bertanggungjawab di atas segala transaksi untuk kepentingan penerima selagi Penerima Hibah berusia di bawah 18 tahun. |
| d. | Kedua-dua pihak Pemberi Hibah dan Penerima Hibah bersetuju melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk melaksanakan pembahagian Harta Hibah mengikut kaedah pembahagian dan syarat-syarat yang dipersetujui kepada Penerima Hibah. |
| e. | Pemberi Hibah dikehendaki melengkapkan Surat Kuasa Wakil yang memberi kuasa kepada ASNB untuk melaksanakan tindakan, perkara dan / atau apa-apa sahaja hal yang lain ke atas Harta Hibah. |
| f. | ASNB berhak menarik balik perjanjian Hibah Amanah sekiranya Pemberi Hibah didapati hilang kelayakan sebagai pemegang unit berdaftar di bawah tabung unit amanah ASNB atau pun Pemberi Hibah didapati melanggar terma dan syarat Hibah Amanah yang dipersetujui. |
| g. | Sebarang permohonan pembatalan dan pindaan terhadap Hibah Amanah ini hanya boleh dilakukan jika ianya melibatkan hibah kepada anak kandung atau cucu kandung. |
| h. | Sekiranya Pemberi Hibah hilang keupayaan mental, sebarang urusan niaga berkaitan Harta Hibah adalah tertakluk kepada Surat Ikatan tabung unit amanah ASNB dan arahan mahkamah. |
| i. | Yuran Pendaftaran akan dikenakan dalam pembentukan Hibah Amanah ini. |
| j. | Yuran Pentadbiran akan dikenakan secara tahunan daripada jumlah pengagihan pendapatan (jika ada) tabung unit amanah yang dipilih pada bahagian 1.0 perkara 10. Yuran ini dikecualikan untuk tahun pertama pendaftaran Hibah Amanah ini. |
| k. | Pembayaran ke atas tuntutan Harta Hibah akan dilaksanakan selepas dua puluh satu (21) hari dari tarikh tuntutan pertama dibuat. Jumlah yang dibayar kepada Penerima Hibah adalah baki unit semasa tabung unit amanah setelah urusan niaga dilakukan oleh Pemberi Hibah semasa hayatnya termasuk sebarang penambahan daripada pengagihan pendapatan (jika ada) tertakluk kepada yuran yang dikenakan oleh ASNB. |

2.0 PENGESAHAN LANGGANAN

Saya dengan ini mengaku bahawa:

- Saya telah membaca dan menerima penerangan yang terperinci tentang setiap terma dan syarat perkhidmatan Hibah Amanah ini.
- Saya faham dan bersetuju untuk mematuhi setiap terma dan syarat yang terkandung dalam semua dokumen berkaitan dengan perkhidmatan Hibah Amanah ini.
- Saya bersetuju membayar Yuran Pendaftaran kepada ASNB untuk menyediakan dokumen Hibah Amanah ini. Sekiranya saya tidak berhasrat untuk meneruskan proses Hibah Amanah ini, yuran tersebut tidak akan dipulangkan.
- Segala maklumat di dalam borang permohonan ini adalah benar.
- Saya bersetuju membenarkan ASNB dan kakitangan yang terlibat mempunyai akses untuk melihat dan menggunakan maklumat peribadi saya yang disertakan bagi tujuan Hibah Amanah ini.
- Pembentukan Hibah Amanah hanya akan berkuatkuasa apabila semua dokumen berkaitan Hibah Amanah adalah lengkap.

Dengan ini saya memohon ASNB untuk menyediakan dokumen berkaitan pembentukan Hibah Amanah ini.

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Pemohon

Nama: _____

Tarikh

h	h	-	b	b	-	t	t	t	t
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

1.0 MAKLUMAT PEMBERI HIBAH (Sila lengkapkan maklumat yang diperlukan dan tandakan [/] pada ruang berkenaan)

_____ - _____ - _____

ii. Lain-lain No. Pengenalan Diri _____

h	h	-	b	b	-	t	t	t	t
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

4. Jantina ☐ Lelaki ☐ Perempuan

[illegible][illegible]

_____ - _____

_____ - _____

--

☐ Amanah Saham Bumiputera (ASB)	☐ Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020)	☐ Amanah Saham Malaysia (ASM)	☐ Amanah Saham Didik (ASD)	☐ Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia)	☐ Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)	
☐ Amanah Saham Nasional (ASN)	☐ Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2)	☐ Amanah Saham Nasional 3 Iimbang (ASN 3)	☐ Amanah Saham Gemilang-Pendidikan (ASG-Pendidikan)	☐ Amanah Saham Gemilang-Kesihatan (ASG-Kesihatan)	☐ Amanah Saham Gemilang-Persaraan (ASG-Persaraan)	☐ _____ Lain-lain (sila nyatakan)

[illegible]

3.0 MAKLUMAT PENERIMA HIBAH

[illegible]

4. Jantina ☐ Lelaki ☐ Perempuan

[illegible][illegible][illegible]

4. Jantina ☐ Lelaki ☐ Perempuan

[illegible]

11. E-mel:

Sila buat salinan muka surat ini sekiranya Penerima Hibah yang dinamakan melebihi seorang.

LAFAZ PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HARTA HIBAH BAGI PENERIMA HIBAH DEWASA / PENJAGA SAH DAN PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH GANTIAN

1.0 LAFAZ PEMBERIAN HARTA HIBAH KEPADA PENERIMA HIBAH DAN PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH GANTIAN

- a) Saya seperti nama di bawah dengan suci hati tanpa paksaan mana-mana pihak, bersetuju menghibahkan Harta Hibah seperti mana yang dinyatakan di dalam Jadual Harta Hibah dibawah termasuk segala faedah yang terhasil daripada Harta Hibah tersebut (jika ada) kepada Penerima Hibah.
- b) Mulai tarikh ini Penerima Hibah adalah pemilik Harta Hibah yang dinyatakan tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Surat Ikatan Hibah Amanah.
- c) Pengisytiharan Hibah Amanah ini adalah pengisytiharan terakhir dan terkini, mana-mana pengisytiharan yang dibuat terdahulu ke atas Harta Hibah ini adalah terbatal. Dengan ini Harta Hibah yang diisytiharkan disini BUKANLAH harta pusaka selepas kematian saya.
- d) Sekiranya Penerima Hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada saya, maka Harta Hibah akan dikembalikan kepada saya. Bagaimanapun, sekiranya saya dan Penerima Hibah meninggal dunia serentak, Harta Hibah akan dibayar mengikut tatacara semasa tuntutan harta pusaka ASNB.
- e) Saya melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir Harta Hibah selepas kematian saya.
- f) Saya bersetuju untuk mengganti rugi ASNB terhadap apa-apa hal, tindakan, tuntutan, kerugian atau perkara yang berbangkit berhubung dengan pembentukan Hibah Amanah ini.

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Pemberi Hibah

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh

h	h	-	b	b	-	t	t	t	t
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

JADUAL HARTA HIBAH

Tabung Unit Amanah melibatkan unit milik penuh / mutlak Pemberi Hibah dan bukan unit bercagar	ASB	ASW 2020	ASD	ASM	AS 1Malaysia	ASB 2	ASN	ASN 2	ASN 3	ASG- Pendidikan	ASG- Kesihatan	ASG- Persaraan	Lain-lain (sila nyatakan)
Peratusan (%) Agihan kepada Penerima Hibah													

1.1 LAFAZ PENERIMAAN HARTA HIBAH (Sila lengkapkan maklumat yang diperlukan dan tandakan [/] pada ruangan yang berkenaan)

☐

PENERIMA HIBAH DEWASA

Saya, seperti nama di bawah bersetuju menerima peratusan bahagian Harta Hibah seperti mana yang dinyatakan di dalam Jadual Harta Hibah di atas termasuk segala faedah yang terhasil daripada Harta Hibah (jika ada).

☐

PENJAGA SAH

Saya, seperti nama di bawah dilantik sebagai Penjaga Sah kepada _____ No. Pengenalan Diri Penerima Hibah _____, dengan ini mengaku akan berlaku adil dan bertanggungjawab di atas segala transaksi yang terlibat untuk kepentingan dan kebajikan Penerima Hibah di bawah umur 18 tahun.

- a) Saya melantik Pemberi Hibah sebagai Pemegang Amanah kepada Harta Hibah dan membenarkan Pemberi Hibah menggunakan Harta Hibah untuk faedah dirinya, membuat semua urusan niaga dan mendapat semua manfaat yang berkaitan dengan Harta Hibah selama mana Pemberi Hibah masih hidup.
- b) Saya faham dan bersetuju bahawa selepas tuntutan dibuat apabila kematian Pemberi Hibah, jumlah yang akan dibayar kepada Penerima Hibah adalah baki unit semasa tabung unit amanah termasuk sebarang penambahan daripada pengagihan pendapatan (jika ada) dan tertakluk kepada yuran yang dikenakan oleh ASNB.
- c) Sekiranya saya meninggal dunia terlebih dahulu daripada Pemberi Hibah, Harta Hibah akan dikembalikan / diserahkan / dihibahkan kepada Pemberi Hibah. Bagaimanapun, sekiranya saya dan Pemberi Hibah meninggal dunia serentak, Harta Hibah akan dibayar mengikut tatacara semasa tuntutan harta pusaka ASNB.
- d) Saya melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir Harta Hibah selepas kematian saya dan / atau Pemberi Hibah tertakluk kepada tatacara semasa ASNB.
- e) Saya dengan ini bersetuju untuk mengganti rugi ASNB terhadap apa-apa hal, tindakan, tuntutan, kerugian atau perkara yang berbangkit berhubung dengan pembentukan Hibah Amanah ini.
- f) Saya juga bersetuju membenarkan ASNB dan kakitangan yang terlibat mempunyai akses untuk melihat dan menggunakan maklumat peribadi saya yang disertakan bersama ini bagi tujuan Hibah Amanah ini.

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Penerima Hibah / Penjaga Sah

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh

h	h	-	b	b	-	t	t	t	t
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

Disaksikan bahawa Pengakuan Hibah Amanah ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas. Di hadapan kami,

Tandatangan Saksi 1

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Tandatangan Saksi 2

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

*Syarat Saksi: Lelaki dewasa Islam